


TARIKH	11 / 12 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	1,6	RUANGAN	DLM NEGERI

## Haji: Sejuta dalam senarai menunggu

● Kira-kira sejuta umat Islam di Malaysia berada dalam senarai menunggu untuk mengerjakan ibadah haji pada masa ini sedangkan kuota kerajaan Arab Saudi hanya 28,000 orang bagi setiap musim haji.

 Kewajipan kita sebagai umat Islam hanya sekali melakukan ibadah haji kerana jika dilakukan lebih daripada itu ia menjadi sunat. Maka, sebaiknya berilah laluan kepada mereka yang lebih layak.

DATUK JAMIL KHIR BAHAROM  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

● Daripada jumlah itu, kira-kira 14,000 bakal jemaah haji adalah warga emas berusia lebih 75 tahun.

● Sehubungan itu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Jamil Khir Baharom menasihatkan mereka yang pernah menunaikan haji tidak lagi memohon sebaliknya memberi laluan kepada yang belum berbuat demikian dan berada dalam senarai menunggu.

**BERITA PENUH DI MUKA 6**

Mereka sudah tunai ibadat dinasihat beri laluan, tidak mohon lagi - Jamil Khir

# Sejuta jemaah tunggu giliran haji

Oleh ZAMZURINA AHMAD  
zamzurina.ahmad@utusan.com.my

**KUANTAN** 10 Dis. - Sejuta penganut Islam di negara ini berada dalam senarai menunggu untuk mengerjakan haji berikutan kuota yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi hanya 28,000 orang bagi setiap kali tibanya musim haji.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Jamil Khir Baharom (**gambar**) berkata, daripada jumlah tersebut, terdapat kira-kira 14,000 bakal jemaah haji yang berusia 75 tahun ke atas.

"Justeru, saya menasihati mereka yang pernah menunaikan haji agar tidak memohon lagi dan memberi laluan kepada bakal jemaah baru supaya mereka berpeluang menunaikan rukun Islam kelima itu.

"Kewajipan kita sebagai umat Islam hanya sekali melakukan ibadah haji kerana jika dilakukan lebih daripada itu ia menjadi sunat. Maka, sebaiknya berilah laluan kepada mereka yang

TARIKH	11 / 12 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	1, 6	RUANGAN	DLM NEGERI

lebih layak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Program Multaqa Guru

Takmir, Guru Kafa dan Imam peringkat negeri di sini hari ini.

Hadir merasmikan program tersebut ialah Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Datuk Othman Mustapha dan Timbalan

Pengarah, Jabatan Agama Islam Pahang, Datuk Mohd. Ghazali Abd. Aziz.

Sementara itu, menurut Jamil Khir, ketika ini terdapat 7.9 juta pendeposit Tabung Haji dengan dana terkumpul sebanyak RM34.9 bilion.

"Daripada jumlah itu, kira-kira 81 peratus dana akan disimpan sebagai dividen manakala, sebanyak 19 peratus untuk mengerjakan ibadah haji," jelasnya.

